

Online Research @ Cardiff

This is an Open Access document downloaded from ORCA, Cardiff University's institutional repository: <https://orca.cardiff.ac.uk/80762/>

This is the author's version of a work that was submitted to / accepted for publication.

Citation for final published version:

Ahmad, Mohamad Irwan, Adnan, Haikal Anuar Adnan, Abd Satar, Juliza, Wan Sulaiman, Wan Shahrazad, Wan Jaafar, Wan Azreena, Jamalia Hafizah, Zainal Abidin and Wan Mohd Zain, Wan Mohd Syafnan 2015. Lifestyle factors and possible recovery among lesbians: a case study. *Journal of Social Sciences and Humanities* 10 (1) , pp. 1-15. file

Publishers page: <http://www.myjournal.my/public/article-view.php?id=...>
<<http://www.myjournal.my/public/article-view.php?id=87283#>>

Please note:

Changes made as a result of publishing processes such as copy-editing, formatting and page numbers may not be reflected in this version. For the definitive version of this publication, please refer to the published source. You are advised to consult the publisher's version if you wish to cite this paper.

This version is being made available in accordance with publisher policies.

See

<http://orca.cf.ac.uk/policies.html> for usage policies. Copyright and moral rights for publications made available in ORCA are retained by the copyright holders.



FAKTOR DAN CARA GAYA HIDUP SERTA KEMUNGKINAN KEMBALI PULIH DALAM KALANGAN LESBIAN : SATU KAJIAN KES

(Lifestyle Factors and Possible Recovery among Lesbians: A Case Study)

Ahmad, M. I., Haikal Anuar Adnan, Abd Satar, J., Wan Shahrazad Wan Sulaiman,

Wan Azreena, J., Zainal Abidin, J. & Wan Mohd Zain, W. M. S,

ABSTRAK

Fenomena kehidupan homoseksual semakin merebak dalam kalangan rakyat Malaysia. Kajian ini memfokus kepada salah satu kehidupan alternatif ini, iaitu lesbianisme dalam kalangan remaja. Seramai enam orang responden berorientasikan seksual lesbian yang berbangsa Melayu dan beragama Islam telah dipilih di sekitar Kota Bharu, Kelantan. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat faktor dan cara gaya hidup serta kemungkinan untuk kembali pulih dalam kalangan golongan ini. Bagi mendapatkan maklumat, pengkaji menggunakan kaedah temubual melalui teknik persampelan mudah dan persampelan bola salji. Hasil kajian mendapati bahawa faktor dominan yang mempengaruhi remaja untuk terlibat dengan gejala lesbian apabila semua responden melaporkan bahawa mereka amat lemah dalam amalan keagamaan. Selain daripada itu, faktor keluarga, rakan-rakan dan faktor pasangan sejenis yang memahami antara satu sama lain turut menjadi punca kepada kegiatan ini. Semua responden melaporkan bahawa mereka mempunyai kemahuan untuk kembali, namun mereka tidak mengambil inisiatif yang sewajarnya dalam usaha untuk kembali pulih. Cara gaya hidup mereka juga menunjukkan kehidupan yang bahagia, hidup bersama, rasa diterima dan berhubungan baik dengan komuniti lesbian, tidak peduli dan mengambil berat terhadap kritikan masyarakat dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, ini merendahkan lagi kemungkinan mereka untuk kembali pulih mengikut norma yang sebenar.

Kata kunci : Lesbian, homoseksual, faktor, cara gaya hidup dan kemungkinan kembali pulih

ABSTRACT

The homosexual lifestyle phenomenon is spreading amongst Malaysians. This study focus on one of this alternative lifestyle, which is lesbianism among teenagers. A total of six respondents were involve in this study and all of them is Malay and Islam. The purpose of this study is to find out the factor and the lifestyle and the possibility of returning to normal for these people. For this study, researchers utilized the method of

interview and to acquire the samples, researchers used the convenient and snowball

technique. The result of this study finds that spiritual factor is a dominant factor that influences teenagers to be involved in lesbianism when all subjects reported that they are very weak in spiritual practice. Other than that, family, peers and same-sex spouse that understands each other also plays a part. All subjects reported that they have the desire to return to normal, but they did not took any duly initiative in their effort. Their lifestyle also shows that they are contented, live together, feels accepted and have good relationship with the lesbian community, and does not care about criticisms from societies. Because of that, this lower the possibility of them returning to normal.

Keyword : Lesbian, homosexual, factor, life style, possibility of returning to normal

PENGENALAN

Lesbian merupakan satu bentuk hubungan yang dijalinkan secara sejenis iaitu di antara wanita dengan wanita (Brown 1995; Golden 1987; Sophie 1985; 1986). Hubungan ini dianggap sebagai sebuah hubungan yang terlarang kerana ia terpesong daripada norma masyarakat yang wajar, bahkan semua agama menentanginya. Walau bagaimanapun, kegiatan ini tetap berlaku secara berleluasa akibat daripada banyak faktor yang menyokong sehingga ada dari kalangan mereka menuntut hak kesamarataan untuk diiktiraf. Di Malaysia, kajian yang dilakukan oleh Jaringan Melayu Malaysia (JMM) mendapati sebanyak 21 laporan polis telah dibuat sepanjang tahun 2011 berkenaan pembabitian pelajar sekolah rendah dan menengah dalam kegiatan seks luar tabii yang lebih dikenali sebagai seks sejenis. Presidennya, Azwanuddin Hamzah berkata, statistik bagi seluruh negara amat membimbangkan dan keadaan dijangka menjadi lebih dahsyat sekiranya perjuangan golongan LGBT mendapat tempat di negara ini (Farhana Joni 2012). Namun demikian, kejayaan untuk mendapatkannya amat tipis sekali kerana masyarakat dunia sedar dengan keburukan pengamalan hubungan songsang tersebut. Hasilnya, mereka berhadapan dengan pelbagai pengalaman kepayahan klinikal yang menggugat kesejahteraan.

Kajian dari pengkaji terdahulu mendapati remaja yang terlibat dengan LGB (*Lesbian, Gay & Bisexual*) mempunyai risiko yang tinggi untuk terlibat dengan tingkah laku berisiko dan mempunyai masalah kesihatan mental berbanding dengan remaja normal (Bell & Weinberg 1978; Hetrick & Martin 1987, 1988; Hammelman 1993; Hersberger & D'Augelli 1995; Rotheram-Borum, Hunter & Rosario 1994) serta berisiko untuk terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan alkohol (Remafedi 1991, 1994; Rosario, Hunter & Gwadz 1997; Rosario, Rotheram- Borus & Reid 1996; Rotheram-Borus et al. 1995). Selain itu, mereka juga dilaporkan mempunyai masalah berkaitan dengan sikap (Anderssen 2002). Kesemua masalah ini menyebabkan mereka makin

dipinggirkan oleh individu terdekat dengan mereka serta masyarakat sekeliling sehingga menghalang kefungsi psikologikal mereka. Akibatnya, muncul bukti yang menyatakan ketidakseimbangan terhadap kehidupan lesbian seperti kemurungan, putus harapan dan bunuh diri (Davidson, Potter & Ross 1999; Faulkner & Cranston 1998; Garofolo et al. 1998; Garafolo et al. 1999; Remafedi et al. 1998; Safren et al. 1998).

Penglibatan lesbian berlaku di pelbagai peringkat umur. Walaupun begitu, kebanyakan kajian mendapati bahawa permulaan hubungan ini banyak bermula ketika diusia remaja. Hal ini kerana pada peringkat ini, remaja paling signifikan dalam mencari perhatian dan kasih sayang serta kurang matang dalam kehidupan (John 2008). Remaja yang terlibat dengan lesbian dikatakan bermula dalam lingkungan umur 13 tahun hingga 21 tahun dan ada juga sesetengah kajian yang menjumpai sampel yang bermula selepas berumur 25 tahun dan ke atas (Kurdex 2004). Menurut Graber & Archibald 2001, pada generasi awal, remaja lesbian mula mengenal pasti diri sebagai *nonheterosexual* pada awal dewasa apabila mereka mendapat kebebasan dan berdikari daripada keluarga. Di Amerika Syarikat seumpamanya, kemunculan lesbian adalah tinggi berdasarkan kajian oleh Laumann et al. (1994) di mana mereka mendapati bahawa sebanyak hampir 10% daripada seramai 1511 responden lelaki dan 1921 responden yang ditemubual menyatakan mereka meminati individu daripada jantina sama semasa remaja lagi.

Terdapat banyak faktor yang telah dikenal pasti berdasarkan kajian-kajian lepas yang menyumbang kepada kewujudan masalah ini. Berdasarkan dapatan kajian yang dilaporkan oleh Woodford et al. (2010); Hequembourg (2007); Hicks (2006; 2000); Ryan et al. (2004) dan Ryan et al (2008), kanak-kanak yang dijadikan anak angkat oleh pasangan lesbian mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk menjadi lesbian apabila meningkat dewasa. Situasi ini berlaku disebabkan kewujudan faktor pembelajaran sosial oleh kanak-kanak di mana mereka sering terdedah dengan perlakuan tersebut. Pendedahan yang diterima menyebabkan mereka terlazim untuk membina tingkah laku yang selari dengan individu yang signifikan dengan mereka. Di samping itu, pengiktirafan kewujudan lesbian oleh sesetengah negara seperti Denmark, Norway dan Sweden juga dikatakan menjadi faktor kepada peningkatan gejala lesbian di negara tersebut (Bedget 2004). Pengiktirafan ini secara tidak langsung telah menyebabkan pasangan lesbian ini lebih terbuka untuk mendedahkan identiti mereka yang sebenar (Giertsen & Anderssen 2007).

Seterusnya, persefahaman yang baik di antara pasangan sejenis meningkatkan lagi intensiti untuk remaja terlibat dalam gejala ini. Hal ini telah disokong oleh dapatan daripada kajian Gottman et al. (2003) yang mendapati pasangan lesbian dan gay lebih menunjukkan ekspresi emosi yang positif berbanding dengan pasangan heteroseksual dalam menyelesaikan sesuatu konflik kerana mereka mempunyai persefahaman yang tinggi. Selain itu, pasangan lesbian juga mendapat sokongan dalam perhubungan mereka (Kurdex 2004). Mereka juga mendapat pemuasan dalam perhubungan dan

kepuasan yang dicapai ini adalah sama atau setara seperti pasangan heteroseksual (Blumstein & Schwartz 1983; Kurdex 2001).

Sementara itu, perhubungan pasangan lesbian adalah amat erat kerana mereka saling memerlukan di antara satu sama lain dan apabila mereka tinggal bersama, perhubungan ini menjadi semakin baik. Hal yang sedemikian dapat dilihat melalui pembahagian kerja rumah yang dilakukan oleh pasangan lesbian yang tinggal bersama (Carrington 1999). Kajian yang dilakukan oleh Carrington (1999) dapat dilihat melalui tiga kesimpulan yang telah dibuat iaitu yang pertama ialah pasangan lesbian tidak menyerahkan hak peranan kepada mana-mana pihak seperti hak sebagai suami dan hak sebagai isteri. Dalam hal ini, mereka saling bantu membantu antara satu sama lain. Kedua ialah pasangan lesbian tidak membahagikan hak peranan seperti pasangan heteroseksual dan mewujudkan keseimbangan dalam pencapaian sumbangan yang adil terhadap kerja rumah dan saling membantu atau *accomodating* dalam setiap minat yang berbeza, kemahiran dan jadual kerja antara pasangan. Paten ini akan menjadi lebih baik apabila pasangan lesbian ini mempunyai anak yang tinggal bersama mereka (Patterson 2000). Ketiga adalah keadaan di mana perhubungan pasangan lesbian lebih teguh, mereka lebih suka membahagikan tugas rumah mengikut kepakaran dan keadaan ini memungkinan tugas rumah dapat dilakukan dengan lebih efisien.

Tambahan, kelemahan dalam amalan agama turut menyumbang kepada masalah ini. Hal sedemikian berlaku kerana mereka tidak mempunyai pegangan kukuh terhadap larangan yang telah dinyatakan oleh agama masing-masing (Londicho et al. 2014). Kelemahan ini menyebabkan kebanyakan lesbian mewujudkan persepsi bahawa ini merupakan takdir yang telah ditetapkan oleh tuhan dengan meneruskan perbuatan terlarang, sebaliknya tidak berusaha melawan persepsi tersebut (Bergin & Smith 2002; Boyd 2000; Glaser 1996; Kader 1999; Kearney 1997; Rosser 1992) mereka mendapati bahawa sebanyak 84% daripada responden yang dikaji mempercayai dengan kewujudan tuhan. Walau bagaimanapun, penghayatan terhadap ciri-ciri keagamaan yang kurang menyebabkan mereka terjebak dalam tingkah laku sedemikian.

Konflik dalam keluarga juga merupakan faktor kepada masalah lesbian (Kimmel 1990; 1992; 2002; Slater 1995; Schumm 2010; Kourany 1987; Proctor & Groze, 1994; Remafedi, Farrow & Deisher 1991). Masalah dalaman keluarga yang dialami oleh remaja menyebabkan mereka mencari keseronokan di luar rumah melalui perhubungan dengan rakan sejenis yang dianggap boleh menggantikan ibu bapanya. Kekurangan komunikasi dengan ibu bapa juga menyumbang kepada masalah lesbian (Schumm 2010). Kesibukan ibu bapa yang bekerja dan kekurangan masa yang diluangkan dengan anak-anak menyebabkan mereka mencari kasih sayang dan perhatian melalui hubungan dengan rakan yang sejenis. Perhubungan yang rapat dengan bapa berbanding ibu turut menyumbang kepada lesbian (Frisch 2006). Ini berlaku kerana kurang mendapat kasih sayang dan perhatian dari ibu sejak zaman kanak-kanak menyebabkan remaja lesbian mula menjauhkan diri dan mencari rakan sejenis yang boleh berperanan seperti ibunya.

Masalah ini turut disumbang oleh masalah penceraian ibu bapa dalam kalangan remaja lesbian (Slater 1995). Faktor-faktor ini dilihat memberikan kesan dalam perkembangan remaja lesbian.

Oleh itu, kajian ini yang mengkaji mengenai faktor dan cara gaya hidup penting dilakukan untuk meneroka punca sebenar remaja lesbian dalam konteks tempatan terlibat dalam gejala ini. Seterusnya, dengan faktor dan cara gaya hidup tersebut, satu maklumat mengenai kemungkinan untuk mereka kembali pulih dapat dicari sehingga masalah ini dapat diatasi atau dikurangkan.

METOD KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu melalui kaedah temubual. Kaedah temubual dipilih kerana ia membolehkan pengkaji mencungkil serta meneroka tema kajian iaitu punca penglibatan responden sebagai lesbian dan kemungkinan untuk mereka kembali pulih. Kajian ini melibatkan seramai enam orang responden di mana mereka secara sukarela menyertainya melalui kaedah persampelan bertujuan dan bola salji. Responden yang dipilih merupakan responden remaja perempuan yang berumur dalam lingkungan umur 14 tahun hingga 18 tahun. Kesemua responden berbangsa Melayu dan beragama Islam yang dipilih di sekitar Kota Bharu, Kelantan. Analisis kajian yang dilakukan adalah melalui proses penyusunan data untuk ditafsirkan. Penyusunan data dilakukan untuk mengumpulkan dalam ke dalam pola, tema dan kategori untuk memahami makna fenomena ini. Data yang telah dikategorikan ke dalam tema berkaitan diguna untuk menginterpretasi data yang diperolehi kepada maklumat yang bermakna.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Profil Responden

Kesemua responden yang terlibat dalam kajian ini adalah remaja berbangsa Melayu dan berumur di antara 13 hingga 18 tahun. Dari segi latar belakang pendidikan pula, 2 daripada 6 orang responden telah bersekolah di sekolah aliran agama manakala 4 orang responden telah bersekolah di sekolah harian biasa. Hasil temubual juga mendapati kesemua responden tinggal berasingan dengan ahli keluarga. Selain itu, hasil temubual juga mendapati bilangan adik beradik responden juga adalah ramai di mana 2 orang responden menyatakan bilangan adik-beradik mereka adalah 6 dan 10 orang manakala selebihnya menyatakan bilangan adik beradik mereka adalah 7 dan 9 orang. Menurut Zarinah et al., (2002) bilangan adik-beradik yang ramai merupakan antara punca yang menyebabkan remaja mencari kasih sayang di luar rumah kerana mereka rasa terpinggir dan kurang mendapat perhatian daripada ibu bapa.

Faktor dan Cara Gaya Hidup

Bagi melihat faktor dan cara gaya hidup responden, soalan yang dikemukakan kepada mereka adalah meliputi amalan keagamaan, hubungan responden dengan keluarga, serta hubungan mereka dengan pasangan dan rakan-rakan. Dalam aspek amalan keagamaan, 5 daripada 6 responden menyatakan mereka jarang-jarang melakukan amalan keagamaan seperti bersolat manakala seorang responden menyatakan bahawa beliau tidak lagi melakukan amalan keagamaan. Berikut merupakan antara pernyataan responden setelah ditanya mengenai amalan keagamaan:

....sembahyang tu ada.. tapi jarang-jarang.. kalau rasa nak sembahyang saya sembahyang.. tapi kalau nak cukup lima waktu dalam sehari tu memang tak la...

...kalau saya rasa macam hati tak tenang ke.. ada masalah ke.. saya akan sembahyang.. tapi kalau macam semua ok, saya selalunya tak sembahyang..

... saya dah lama tak solat... entahlah.. kalau solat pun, saya tetap buat dosa juga..

Berdasarkan pernyataan tersebut, jelas bahawa amalan keagamaan yang rendah merupakan salah satu faktor yang menyebabkan responden terlibat dengan gejala lesbian. Amalan keagamaan sememangnya merupakan salah satu aspek yang penting dalam kehidupan. Individu yang berpegang dengan agama akan dapat memastikan baik dan buruk sesuatu perkara sebelum bertindak untuk melakukannya (Khadijah Alavi et al., 2012). Dapatan kajian yang mendapati cara gaya hidup keseluruhan responden yang kurang berpegang kepada agama sememangnya akan menyebabkan mereka akan lari daripada batas normal hidup seseorang manusia. Hal ini adalah selari dengan satu hadis daripada Nabi Muhammad s.a.w yang berbunyi;

“Aku tinggalkan kamu selagi mana kamu berpegang teguh dengannya pastilah kamu tidak akan sesat selama-lamanya iaitu Kitab Allah dan Sunnahku”.

(Hadis Riwayat Muslim)

Berdasarkan hadis tersebut, jelas bahawa seseorang muslim yang menjadikan Al-Quran dan sunnah sebagai amalan hidup tidak akan melakukan perkara yang tidak bermoral. Sebaliknya, bagi mereka yang mengamalkan agama, individu akan kurang cenderung untuk membunuh diri, kurang pengambilan rokok dan marijuana serta kurang penglibatan dalam penglibatan seksual (Donahue & Bonson 1995). Hal ini menunjukkan pengamalan keagamaan yang kurang dilakukan oleh responden telah menyumbang kepada keterlibatan mereka dalam gejala lesbian.

Selain itu, faktor pasangan lesbian yang memahami dan mengambil berat berbanding dengan pasangan heteroseksual menyebabkan remaja ini selesa dengan gaya hidup yang mereka lalui. Pengalaman lepas responden yang buruk bersama pasangan heteroseksual menyebabkan responden lebih selesa bersama pasangan lesbian mereka. Berikut merupakan antara pernyataan salah seorang daripada responden kajian:

.. saya dahulu pernah ada teman lelaki.. tapi dia suka ambil kesempatan.. saya tak suka.. rasa tak selamat.. tapi lepas berkawan dengan pasangan saya sekarang ni, saya rasa gembira.. dia faham saya dan sentiasa ambil berat pasal saya..

Menurut Simari dan Baskin (1982), penderaan dan pengalaman seksual yang negatif akan menyebabkan seseorang individu akan terlibat dengan homoseksual, terutamanya wanita. Pengalaman responden yang pernah di ambil kesempatan oleh teman lelaki telah menyebabkan responden tersebut mempunyai perasaan yang negatif terhadap lelaki dan secara tidak langsung telah memilih untuk berkawan dengan pasangan yang sama jenis. Sikap pasangan yang sama jenis ini yang memahami dan mengambil berat ini pula telah menjadi peneguhan kepada responden untuk meneruskan kehidupan songsang mereka. Menurut Reis et al. (2000), persefahaman dalam sesuatu perhubungan membolehkan perhubungan tersebut menjadi positif dan berkualiti serta kurang mengalami konflik. Oleh hal demikian, persefahaman serta sikap ambil berat daripada pasangan lesbian ini membuatkan perhubungan mereka kurang berkonflik.

Faktor keluarga bermasalah juga menjadi salah satu faktor yang menyumbang kepada gejala lesbian. Berdasarkan temubual, 3 orang responden menyatakan bahawa mereka mempunyai masalah serta kurang berkomunikasi dengan ahli keluarga. Persekitaran keluarga yang kurang sihat menyebabkan kanak-kanak kurang mendapat perhatian dan secara tidak langsung membantutkan perkembangan dan pertumbuhan seseorang kanak-kanak (Gartrell et al. 2000; Patterson 2000; Perrin 2002; Stacey & Biblarz 2001; Tasker & Golombok 1995). Jadi mereka akan membentuk perwakilan mental yang tidak sihat (Bowlby 1973). Dapatan kajian mendapati responden menyatakan ibu bapa mereka selalu bergaduh, mementingkan pekerjaan dan sering mengabaikan mereka. Berikut merupakan pernyataan responden hasil daripada temubual:

...saya bosan duduk rumah... mak dan ayah selalu sahaja bergaduh..asyik bertengkar.. jadi saya ambil keputusan untuk keluar dari rumah.. duduk berasingan.. saya bagi alasan saya nak kerja di luar..

... mak dan ayah saya dua-dua kerja... biasa la.. keluar waktu pagi.. balik waktu malam..kalau jumpa pun sebelum tidur jek.. saya nak cerita apa-apa pun susah pada mereka..

Menurut Khadijah Alavi et al. (2012), hubungan yang renggang antara ibu bapa dan anak-anak menyebabkan anak-anak berani untuk keluar dan melakukan hubungan seksual. Ibu bapa sememangnya memainkan peranan yang penting dalam perkembangan

remaja. Remaja secara umumnya merupakan satu peringkat di mana mereka sering memerlukan seseorang untuk berkongsi perasaan dan isi hati mereka (Remafedi et al. 1998). Dalam institusi kekeluargaan, remaja wanita sebagai contoh sering menjadikan ibu mereka sebagai tempat untuk berkongsi sesuatu isu yang timbul. Namun, ibu bapa yang tidak memberikan perhatian ini telah menyebabkan remaja ini mencari rakan mereka sebagai alternatif untuk meluahkan perkara tersebut. Disamping itu, Menurut Kurdex (2004) pula, dalam perhubungan sesama sejenis, pasangan lesbian bertindak sebagai kawan dan bukannya sebagai keluarga. Hal sedemikian memudahkan proses komunikasi kerana kawan lebih bersifat memahami. Hal ini dapat dibuktikan melalui pernyataan salah seorang responden:

.... Saya kalau nak cerita apa-apa saya lebih suka cerita pada pasangan lesbian saya.. dia amat memahami saya.. dia seorang pendengar yang baik.. berbeza dengan ibu bapa saya...ibu bapa saya sering ambil mudah tentang apa yang saya cuba cakapkan..

Kurangnya keterlibatan ibu bapa berkomunikasi dengan anak-anak juga boleh menyebabkan kurangnya rasa kasih sayang diantara ahli keluarga. Menurut Carlson dan Lewis (1988), komunikasi di antara ibu bapa dan anak-anak merupakan salah satu aspek yang penting dalam menzahirkan kasih sayang. Hal ini kerana semasa proses interaksi berlaku, kasih sayang dapat dapat disalurkan iaitu samaada daripada ibu bapa kepada anak-anak mahupun daripada anak-anak kepada ibu bapa. Jika interaksi kurang berkesan wujud dalam sesebuah institusi kekeluargaan, kasih sayang dalam keluarga tersebut akan sukar dibentuk. Hal ini secara tidak langsung akan menyebabkan ahli keluarga akan melibatkan pihak luar untuk mendapatkan kasih sayang (Nichols 2014). Oleh hal demikian, remaja yang kurang mendapat kasih sayang daripada ibu bapa mereka ini akan mencari kelompongan kasih sayang tersebut daripada pasanganya lesbian mereka.

Kemungkinan Kembali Pulih

Dapatan kajian mendapati majoriti responden menyatakan mereka mempunyai keinginan untuk kembali pulih. Walau bagaimanapun, tempoh atau waktu untuk mereka berubah itu tidak dapat dipastikan kerana walaupun mereka mempunyai keinginan untuk berubah, namun tiada inisiatif untuk melakukan perubahan dilakukan. Disamping itu, rasa seronok dalam menjalinkan perhubungan sehinggakan sanggup mengenyepikan pandangan masyarakat terhadap mereka telah menjadikan proses untuk perubahan tersebut terbantut. Hal ini dapat dibuktikan melalui pernyataan daripada salah seorang responn:

... saya ada juga terfikir untuk berubah.. tapi tak tahu bila.. saya seronok hidup begini..

...saya tak kisah apa orang luar nak cakap pasal saya.. yang penting saya gembira dengan gaya hidup saya.. mungkin saya akan berubah bila dah besar nanti..

Disamping itu, amalan keagamaan yang kurang juga menjadi salah satu faktor menyebabkan mereka sukar untuk memperoleh kesedaran. Tanpa agama yang baik, mereka sukar mengenalpasti diri mereka dan kembali pulih. Tambahan pula agama mempunyai kesan salutari terhadap fizikal dan kesihatan psikologikal (Koenig 1994; Levin & Schiller 1987). Agama juga sering dilihat sebagai sumber daya tindak dengan persoalan terhadap kewujudan kehidupan seperti persoalan mengenai makna hidup dan persoalan mengenai kematian (Batson et al. 1993; Baumeister 1991; Pargament 1997). Selain itu, peranan daripada semua pihak seharusnya dimainkan dengan efektif bagi membantu golongan ini kembali pulih.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kajian yang dilakukan telah mengenengahkan beberapa faktor dan isu yang timbul berkenaan dengan gejala lesbian. Amalan keagamaan yang kurang, masalah keluarga serta sikap pasangan yang memahami didapati telah menjadi faktor utama kepada berlakunya gejala lesbian. Menurut Batson et al. (1993) kelemahan dan kurangnya pengetahuan dalam bidang agama telah menyebabkan remaja ini mempunyai kecenderungan yang rendah untuk kembali menjadi normal, kerana tanpa agama, agak sukar bagi mereka untuk pulih menjadi seorang yang normal. Amalan keagamaan juga membolehkan remaja melalui zaman remaja mereka dengan baik tanpa dipengaruhi oleh unsur-unsur negatif yang boleh merosakkan diri. Disamping itu, institusi kekeluargaan juga perlu dikukuhkan kerana secara umumnya, institusi kekeluargaan merupakan satu agen pembentukan modal insan yang cemerlang. Ibu bapa khususnya perlulah memainkan peranan mereka dengan baik bagi memastikan anak-anak mereka memperoleh kasih sayang dan perhatian yang mencukupi. Dengan wujudnya peranan daripada pelbagai pihak, golongan lesbian ini diharapkan dapat kembali pulih dan seterusnya dapat membantu dalam membangunkan agama, bangsa dan negara.

RUJUKAN

- Anderson N. 2002. Does contact with lesbians and gays lead to friendlier attitudes? A two year longitudinal study. *Journal of Community and Applied Social Psychology*, 2(2), 124-136.
- Badgett. M. V. L. 2004. Will providing marriage rights to same-sex couples undermine heterosexual marriage? *Sexuality Research A Social Policy*, 1(3), 1-10.
- Batson, C. D., Schoenrade, P., & Ventis, W. L. 1993. *Religion and the Individual: A Social Psychology Perspective*. New York: Oxford University Press.

- Baumeister, R. F. 1991. *Meaning of Life*. New York: Guilford Press.
- Bell, A.P., & Weinberg, M.S. 1978. *Homosexualities: A Study of Diversity among Man and Women*. New York: Simon & Schuster.
- Bergin, H., & Smith, S. (Eds.). 2002. *He Kupu Whakawairua/Spirituality in Aotearoa New Zealand: Catholic Voices*. Auckland: Accent Publications.
- Blumstein, P., & Schwartz, P. 1983. *American couples: Money, work and sex*. New York: William Morrow.
- Bowlby, J. 1973. *Attachment and loss: Vol. 2. Separation: Anxiety and anger*. New York: Basic Books.
- Boyd, M. 2000. *Running with Jesus: The Prayers of Malcolm Boyd*. Minneapolis, MN, USA: Augsburg Fortress.
- Brown, K. W., Ryan, R. M., & Creswell, J. D. 2007. Mindfulness: Theoretical foundations and evidence for its salutary effects. *Psychological Inquiry*, 18, 211–237.
- Carlson, J. & Lewis, J. 1988. *Counseling the Adolescent: Individual, Family and School Interventions*. USA: Love Publishing Company.
- Carrington, C. 1999. *No place like home: Relationship and family life among lesbians and gay men*. Chicago: University of Chicago Press.
- Davidson, L., Potter, L., & Ross, V. 1999. *The Surgeon's Call to Action to Prevent suicide*. Washington, DC: U.S. Public Health Services.
- Donahue, M. J., & Benson, P. L. 1995. Religion and the well-being of adolescence. *Journal of Social Issues*. 51, 145-160.
- Farhana Joni. 2012. 18 kes cerai punca hubungan songsang. Utusan Malaysia, 1 April. <http://www.utusan.com.my>.
- Faulkner, A. H., & Cranston, K. 1998. Correlates of Same-Sex Sexual Behaviour in a Random Sample of Massachusetts High School Students. *American Journal of Public Health*, 88, 262-266.
- Frisch M, A., 2006. Childhood family correlates of heterosexual and homosexual marriages: a national cohort study of two million Danes". *Arch Sex Behav*, 35 (5),

533-47.

- Garofalo, R., Wolf, R.C., Kessel, S., Palfrey, J., & DuRant, R.H. 1998. The Association between Health Risk Behaviours and Sexual Orientation among School-Based Sample of Adolescents. *Pediatrics*, 101, 895-902.
- Garofalo, R., Wolf, C., Kessel, S., 1999. Sexual orientation and risk of suicide attempts among a representative sample of youth. *Archives of Pediatric and Adolescent Medicine*, 153, 487 -493.
- Gartrell, N., Banks, A., Hamilton, J., Rodas, C. & Deck, A. 2000. The national lesbian study: Interviews with prospective mothers. *American Journal of Orthopsychiatry*. 66, 272-281.
- Giertsen M. & Anderssen N. 2007. Time period and lesbian identity events: A comparison of Norwegian lesbians across 1986 to 2005. *Journal of Sex research*, 44, 328- 339.
- Glaser, C. 1996. *Uncommon Calling: A Gay Christian's Struggle to Save the Church*. Louisville, KY, USA: John Knox Press.
- Golden, C. 1987. Diversity and variability in women's sexual identities. In Boston Lesbian Psychologies Collective (Ed.). *Lesbian psychologies: Explorations and challenges*. Urbana: University of Illinois Press.
- Gottman, J. M., Levenson, R. W., Swanson, C., Swanson, K., Tyson, R., & Yoshimoto, D., 2003. Observing gay, lesbian and heterosexual couple's relationship: mathematical modelling of conflict interaction. *Journal of Homosexuality*, 45, 65-91.
- Graber, J. A., Archibald, A. B. (2001). Psychosocial Change at Puberty and Beyond. Understanding Adolescent sexuality and Sexual orientation. In: A. R. D'Augelli A. R., Ch. J. Patterson (Eds.). *Lesbian, Gay, and Bisexual Identities and Youth: Psychological Perspectives* (pp. 3-26).
- Hammelman, T. L. 1993. Gay and Lesbian Youth: Contributing Factors to Serious Attempts or Considerations of Suicide. *Journal of Gay and Lesbian Psychotherapy*, 2, 77-89.
- Hequembourg, A. L. 2007. Becoming lesbian mothers. *Journal of Homosexuality*, 53, 153-180.
- Hershberger, S. L., & D'Augelli, A. R. 1995. The impact of victimization on the mental health and suicidality of lesbian, gay, and bisexual youth. *Developmental Psychology*, 31, 65-74.

- Hetrick, E. S., & Martin, A. D. 1988. Developmental issues and their resolution for gay and lesbian adolescents. In E. Coleman (Ed.), *Integrated identity for gay men and lesbians: Psychotherapeutic approaches for emotional wellbeing* (pp. 25–43). Binghamton, NY: Harrington Park Press.
- Hetrick, E. S., & Martin, A.D 1987. Developmental Issues and their Resolution for Gay and Lesbian Adolescents. *Journal of Homosexualities*, 14, 25-43.
- Hicks, S. 2000. Good lesbian, bad lesbian...Regulating heterosexuality in fostering and adoption assessments. *Child and Family Social Work*, 5, 157-168.
- Hicks, S. 2006. Genealogy's desire: Practices of kinship amongst lesbian and gay foster-carers and adopters. *British Journal of Social Work*, 36, 761-776.
- John W. S., 2008. *Life-Span Development*, 11th Ed. New York, NY: McGraw-Hill.
- Kader, S. 1999. *Openly Gay Openly Christian*. San Francisco, CA: Leyland.
- Kearney, M., 1997. *The Missing Link: Riot Girl, Feminism, Lesbian Culture* in Whiteley, S (Ed) *Sexing the Groove*, London: Routledge.
- Khadijah Alavi, Salina Nen, Fauziah Ibrahim, Noremy Md. Akhir, Mohd Suhaimi Mohamad & Noorhasliza Mohd Nordin. 2012. Hamil luar nikah dalam kalangan remaja. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 7(1), 131-140.
- Kimmel, D. C. 1990. *Adulthood and Aging: An Interdisciplinary, Development View*. New York; Wiley.
- Kimmel, D. C. 1992. The families of older gay men and lesbians. *Generations*, 17(3), 37-38.
- Kimmel, D. C. 2002. *Aging and sexual orientation*. In B.E. Jones & M. J. Hill (Eds.), *Mental health issues in lesbian, gay, bisexual, and transgender communities* (pp. 17 – 36) Washington, DC: American Psychiatric Publishing.
- Koenig, H. G. 1994. *Aging and God: Spiritual Pathways to Mental Health in Midlife and Later Years*. New York. Haworth Press, Inc.
- Kourany, R.F.C., 1987. Suicide among homosexual adolescents. *Journal of Homosexuality*, 13, 111 – 117.
- Kurdex, L.A. 2001. Differences between heterosexual-nonparent couples and gay, lesbian, and heterosexual-parent couples. *Journal of Family Issues*, 22, 727-754.
- Kurdex, L.A. 2004. Are gay and lesbian cohabiting couples really different from heterosexual married couples? *Journal of Marriage and Family*, 66, 880-900.

- Kurdex, L.A. 2004. *Gay men and lesbian: The family context*. In. M. Coleman & L.H.Ganong. (Eds.), *Handbook of contemporary families: Considering the past, contemplating the future*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Laumann, E.O., Gagnon, J. H., Michael, R.T., & Michaels, S. 1994. *The Social Organization of Sexuality: Sexual Practises in the United States*. Chicago: University Of Chicago Press.
- Levin, J. S. & Schiller, P. L. 1987. Is there a religious factor in health? *Journal of religion and health*. 26, 9-36.
- Londicho, L. C., Aliwalas, G. M. R., Bueneverta, M. J. B., Rodriguez, M. L. 2014. Religiosity and attitudes toward homosexual among adolescent. *Asia Pacific Journal of Multidisciplinary Research*, 2(3), 153-160.
- Nichols, M. P. 2014. *Family Therapy: Concepts and methods (10th Ed)*. Edinburgh Gate: Pearson Education Limited.
- Pargement, K. I. 1997. *The Psychology of Religion and Coping: Theory, Research and Practise*. New York: Guilford Press.
- Patterson, C.J. 2000. Families of the lesbians and gay men. *Journal of Marriage and the family*, 62, 1052-1069.
- Perrin, C.E. 2000. Technical report : Coparent or second-parent adoption by same sex parents *Pediatrics*. 109, 341-344.
- Proctor, C. D., & Groze, V. K. 1994. Risk factors for suicide among gay, lesbian, and bisexual youths. *Social Work*, 39, 504-512.
- Raber, J.A., & Archibald, A.B. 2001. *Psychosocial change at puberty and beyond: Understanding adolescent sexuality and sexual orientation*. Patterson (Eds.) *Lesbian, gay and bisexual identities and youth: Psychological perspectives*. New York: Oxford University Press, 155-180.
- Reis, H. T., Collins, A. A. & Berscheid, E. 2000. Context of human behavior and development. *Psychological Bulletin*. 126(6), 844-872.
- Remafedi, G., Farrow, J. A., & Deisher, R. W. 1991. Risk factors of attempted suicide in gay and bisexual youth. *Paediatrics*, 87, 869-875.
- Remafedi, G., French, S., Story, M., Resnick, M. D., & Blum, R. 1998. The Relationship between Suicide Risk and Sexual Orientation: Results of Population Based Study.

American Journal of Public Health, 88, 57-60.

- Rosario, M., Hunter, J., & Gwadz, M. 1997. Exploration of Substance Use among Lesbian, Gay, and Bisexual Youth: Prevalence and Correlates. *Journal of Adolescents Research*, 4, 454-476.
- Rosario, M., Rotheram-Borus, M. J., & Reid, H. 1996. Gay-Related Stress and Its Correlates Among Gay and Bisexual Male Adolescents of Predominantly Black and Hispanic Background. *Journal Of Counseling Psychology*, 24: 136-159.
- Rosser, B. 1992. *Gay Catholics Down Under: The journeys in sexuality and spirituality of gay men in Australia and New Zealand*. Westport (CT), USA: Praeger.
- Rotheram-Borus, M. J., & Fernandez, M. I. 1995. Sexual Orientation and Developmental Challenges Experienced By Gay and Lesbian Youths. *Suicide And Life Threatening Behaviour*, 25, 26-34.
- Rotheram-Borus, M.J., Hunter, J., & Rosario, M. 1994. Suicidal Behaviour and Gay-Related Stress among Gay and Bisexual Male Adolescents. *Journal of Adolescents Research*, 9(4), 498-508.
- Ryan, S. D., Pearlmutter, S., & Groza, V. 2004. Coming out of the closet: Opening agencies to gay and lesbian adoptive parents. *Social Work*, 49, 85-95.
- Ryan, S., & Whitlock, C. 2008. Becoming parents: Lesbian mothers' adoption experience *Journal of Gay & Lesbian Social Services*, 19, 1-23.
- Safren, S.A., Turk, C. L., Heimberg, R. G., 1998. Factor structure of the Social Interaction Anxiety Scale and the Social Phobia Scale. *Behav Res Ther*, 46, 443-453.
- Schumm, W. R. 2010. Children of homosexuals more apt to be homosexuals? A reply to Morrison and to Cameron based on an examination of multiple sources of data. *Journal of Biosocial Science*, 72, 721-742.
- Simari, C. G. & Baskin, D. 1982. Incestuous experiences within homosexual populations: A preliminary study. *Archives of Sexual Behavior*. 11(4), 329-344.
- Slater, S. 1995. *The Lesbian Family Life Cycle*. New York: Free Press.
- Sophie, J. 1985/1986. A critical examination of stage theories of lesbian identity development. *Journal of Homosexuality*, 12, 39-51.

Stacey, J. & Biblarz, T.J. 2001. (How) Does sexual orientation of parents matter? *American Sociological Review*. 65, 159-183.

Tasker, F., & Golombok, S. 1995. Adults raised as children in lesbian families. *American Journal of Orthopsychiatry*. 65, 203-215.

Woodford R. W., Sheets K., Scherer K., Tenkate I., Addams B. 2010. Lesbian adoptive couples: Responding to shifting identities and social relationship. *Journal of Women and Social Work*, 25(3), 278-290.

Zarinah Arshat, Rozumah Baharudin, Rumaya Juhari & Rojanah Kahar. 2002. *Tingkah laku keibubapaan dan penyesuaian anak dalam keluarga berisiko di luar bandar*. Latihan Ilmiah, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Ahmad, M. I., Haikal Anuar Adnan, Abd Satar, J., Wan Shahrazad Wan Sulaiman,

Wan Azreena, J., Zainal Abidin, J. & Wan Mohd Zain, W. M. S,

Pusat Pengajian Psikologi & Pembangunan Manusia

Universiti Kebangsaan Malaysia

Email: ahmadirwan@ukm.edu.my